

D.R. 26/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Makanan 1983.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Makanan (Pindaan) 2005.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Makanan 1983 [*Akta 281*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dalam takrif "pegawai diberi kuasa" dengan menggantikan perkataan "inspektor kesihatan" dengan perkataan "penolong pegawai kesihatan persekitaran"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas takrif "keraian" takrif yang berikut:

‘ "kesalahan boleh kompaun" ertinya kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dan yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini sebagai kesalahan boleh kompaun. .

Seksyen baru 32B

3. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 32A seksyen yang berikut:

"Kuasa untuk memerintahkan kehadiran di mahkamah

32B. (1) Jika Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercavai bahawa mana-mana orang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapatkan saman, dengan serta-merta menyampaikan kepada orang itu suatu notis yang memenntahkan orang itu supaya hadir di hadapan mahkamah Majistret yang paling hampir yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan itu, pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Jika mana-mana orang yang disampaikan suatu notis sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) gagal hadir dengan sendiri atau melalui peguam, mahkamah boleh jika berpuas hati bahawa notis itu telah disampaikan, mengeluarkan suatu waran bagi penangkapan orang itu melainkan jika didapati adalah tidak semunasabahnya mungkin bagi orang itu untuk hadir sedemikian atau dalam hal suatu kesalahan boleh kompaun, orang itu telah dibenarkan mengkompaunkan kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu menurut seksyen 33.

(3) Notis di bawah subseksyen (1) hendaklah sebagaimana yang ditetapkan melalui peraturan-peraturan."

Pindaan seksyen 33

4. Seksyen 33 Akta ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dan (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa yang diberi kuasa oleh Pengarah boleh, dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya, mengkompaunkan apa-apa kesalahan boleh kompaun yang dilakukan oleh mana-mana orang dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu dan dengan mengutip daripada orang itu suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus amaun maksimum denda bagi kesalahan yang dilakukan itu.

(2) Apa-apa pembayaran kompaun di bawah seksyen ini hendaklah dibuat di tempat yang dinyatakan dalam notis di bawah seksyen 32B dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu atau, dalam hal jika pelanjutan tempoh diberikan, dalam tempoh itu."; dan

(b) dengan memotong subseksyen (5).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Makanan 1985 ("Akta 281").

2. *Fasal 1* raengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 28 I. Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan perkataan "inspektor kesihatan" dalam takrif "pegawai diberi kuasa" dengan perkataan "penolong pegawai kesihatan persekitaran" dan untuk memasukkan takrif baru "kesalahan boleh kompaun" ke dalam Akta 281.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda Akta 281 dengan memasukkan seksyen baru 32B untuk memberi kuasa kepada Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa yang mempunyai alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa mana-mana orang telah melakukan kesalahan di bawah Akta 281 untuk mengeluarkan suatu notis, sebagai ganti saman, yang memerintahkan orang itu supaya nadir di hadapan mahkamah Majistret yang paling hampir yang mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan kes itu pada masa dan tarikh yang dinyatakan dalam notis itu.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 33 Akta 281. Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan subseksyen (1) dan (2) dan untuk memotong subseksyen (5). Subseksyen (1) dan (2) digantikan bagi menyatakan bahawa apa-apa pembayaran kompaun hendaklah dibuat di tempat dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis di bawah seksyen 32B atau dalam apa-apa tempoh lain jika pelanjutan diberikan.

6. Pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.